

buta pun boleh, merasai nikmat pencahayaan kecuali mereka yang buta mata hati, yang tidak mahu menggunakan akal fikiran, dan mereka yang dengan sengaja menyembunyikan kebenaran kerana menjaga maslahat diri dan haloba akan kedudukan tinggi dalam kalangan jenisnya sendiri. Semua syariat langit adalah bersatu pada pokok ke-Tuhanannya, tetapi berlainan corak dan tugasnya sebab mencari persesuaian dengan zaman, tempat, suasana dan taraf kesedaran masyarakat manusia dari satu masa ke satu masa. Semua syariat langit bermula dari Nabi Adam, dan berkembang melalui beberapa Rasul yang lain, hinggalah kepada Musa dan Isa dan akhirnya sebagai penutup zahirlah Nabi Muhammad, maka tidaklah ada lagi Rasul selepas Nabi Muhammad, sebab Quran itu sudah lengkap dan meliputi apa juga dasar falsafah hidup bagi masyarakat manusia dalam masa hidup dunia dan membawa kepada kesentosaan abadi di akhirat kelak.

Tetapi hendaklah di sedari oleh semua orang bahawa syariat Islam adalah syariat amalan, bukan syariat teori semata-mata, oleh itu kalau tidak kita amalkan ajarannya maka tidak akan datang sebarang untung kepada kita, malah kita akan dikutuk oleh Tuhan pula, dan cara Tuhan mengutuk kita memang nyata sekali kalau kita menghalakan pertanyaan: “Mengapa penganut-penganut Islam pada masa ini telah terjajah?” Jawabannya: Itulah dia balasan Tuhan kepada mereka yang diberi petunjuk tetapi tidak mahu mengambil faedah-faedah dari petunjuk itu. Gunakanlah Quran itu di masjid, di sekolah, di mahkamah, di pejabat, di gedung perniagaan, di parlimen, di hemat tentera, di pusat keamanan dan di mana juga kita bergerak menyusun hidup—gunakanlah ajaran Quran itu dan tinggalkanlah segala undang-undang yang zahir dari falsafah yang berdasarkan khayal dan otak manusia biasa.

KENYATAAN KEPADA ANGGOTA-ANGGOTA IKHWAN

Pimpinan Ikhwan dari satu ke satu masa berharap mendapat kerjasama dari anggota-anggota Ikhwan. Ikhwan selalu mengadakan ceramah-ceramahnya di Singapura dan untuk memberi peluang kepada saudara-saudara yang di luar Singapura maka kami mengusahakan supaya ceramah-ceramah itu dibukukan.

Ceramah yang pertama yang diucapkan oleh Profesor Abdul Kahar Muzakkar telah kami siarkan.

Yang kedua—risalah “kesedaran” kami juga telah siarkan.

Yang ketiga ucapan Kiyai Muhammad Arshad Thalib Lubis sedang kami usahakan, juga ucapan Kiyai Nasruddin Latif tentang “rumah tangga” sedang kami usahakan untuk dibukukan.

Bagi satu risalah itu kami tidak meminta bayaran harganya daripada anggota-anggota Ikhwan tetapi kami meminta tiap-tiap seorang menghantarkan setiap 10 sen untuk belanja mengirimnya—lainnya tidak.

Tujuannya ialah supaya tiap-tiap anggota Ikhwan mendapat faedah manfaatnya dengan tidak berbelanja—selain daripada setem.

Pintalah kepada:

IKHWAN,
355-B Geylang Rd.,
Singapore 14.